KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	04/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	UMUM			

Tanah runtuh di Jalan Simpang Pulai–Blue Valley

Runtuhan kali pertama, luar jangkaan

Hujan lebat berterusan sejak dua minggu menyebabkan cerun tidak stabil

Oleh Balqis Jazimah Zahari dan Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Tanah runtuh di Seksyen 27 FT 185 Kilometer 27.10 Jalan Simpang Pulai-Blue Valley yang menyebabkan dua terbunuh kelmarin adalah kali pertama berlaku di kawasan itu dan di luar jangkaan pihak berkuasa.

Timbalan Penolong Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak, Ir Hamdan Ali, berkata susulan runtuhan, sebahagian cerun sepanjang kira-kira 100 meter di kawasan itu tidak stabil dan pihaknya masih memantau keadaan.

Katanya, runtuhan tanah berpunca daripada hujan berterusan dan alat pengesan kadar jumlah hujan merekodkan bacaan agak tinggi iaitu 217 milimeter sepanjang tempoh dua minggu sehingga melemahkan tebing jalan.

"Kita dapati ia adalah runtuhan besar membabitkan lebih 10,000 meter padu tanah," katanya selepas meninjau lokasi kejadian semalam.

Hamdan berkata, tindakan jangka pendek pihaknya susulan kejadian itu adalah melakukan kerja pembersihan selama seminggu dan memantau kestabilan cerun secara berterusan untuk mengenal pasti tindakan jangka masa panjang.

Laluan berkenaan dijangka dibuka pada 9 Disember sekiranya keadaan cuaca mengizinkan. Pusat pemantauan cerun yang ditempatkan antara Seksyen 38 hingga 48 bagi memantau tiga lokasi cerun mendapati keadaan stabil.

"Setakat ini, pemantauan dijalankan di lokasi lain bersama pihak konsesi mendapati terdapat runtuhan kecil di dua lokasi tapi tidak kritikal dan laluan masih boleh dilalui," katanya.



Kakitangan JKR menjalankan kerja pembersihan runtuhan tanah di Seksyen 27 hingga Seksyen 30 di Jalan Simpang Pulai–Cameron Highlands, semalam. (Foto BERNAMA)

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Bomba Malaysia (JBPM) Perak, Muhamad Shahrizal Aris, berkata pihaknya masih meneruskan operasi bagi mengesahkan tiada lagi mangsa yang tertimbus dalam tanah runtuh di lokasi berkenaan.



Hamdan Ali

Operasi pada hari kedua semalam lebih kepada pengesahan mangsa yang mungkin ada di lokasi kejadian menggunakan unit anjing pengesan (K9) yang akan digerakkan sebanyak dua kali.

"Sekiranya pengesahan kali kedua negatif, kita akan membuat keputusan sama ada kita hendak teruskan atau tamatkan operasi ini," katanya sambil menambah setakat ini tiada petunjuk lain bahawa ada kenderaan lain tertimbus di dalam runtuhan tanah berkenaan.

Jurucakap JBPM Perak pula memaklumkan hanya dua kenderaan iaitu sebuah lori dan kenderaan pelbagai guna (MPV) disahkan terbabit dalam runtuhan setakat jam 9.30 pagi semalam walaupun sebelum ini dikatakan tiga kenderaan termasuk sebuah kereta.

Katanya, mangsa maut dalam insiden itu dikenal pasti sebagai pemandu lori, Muhamad Hafiz Hamdi, 31, dan pemandu MPV, Tan Chee Heng, 36.

"Mayat Muhamad Hafiz dijumpai jam 10.46 malam tadi (kelmarin), manakala mayat Chee Heng pula ditemui jam 9.54 malam. Berdasarkan maklumat terkini, hanya ada dua kenderaan terperangkap, iaitu lori dan MPV," katanya dalam kenyataan semalam.

Operasi mencari dan menyelamat (SAR) dilaksanakan dengan penggunaan jentera berat meliputi jengkaut, membabitkan kekuatan 139 anggota pelbagai agensi.